



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 MAC 2021 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|--|---|
| - Denda RM 50,000 potong giliran | 4 |
| - Kluster pengebumian dikesan di tiga negeri | 6 |
| - 1,745 kes direkodkan termasuk 2 jangkitan import | 6 |

Kosmo

- | | |
|--|---|
| - Zoo Negara diterima kunjungan mulai esok | 5 |
|--|---|

The Star

- | | |
|-------------------|---|
| - Council Matters | 2 |
|-------------------|---|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 MAC 2021 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Denda RM 50,000 potong giliran
Muka Surat	4

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Denda RM50,000 potong giliran

Putrajaya: Individu yang melompat giliran bagi cuba mendapatkan vaksin COVID-19 dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang sedang berlangsung ketika ini berdepan denda maksimum RM50,000 atau penjara hingga enam bulan, atau kedua-duanya.

Ia susulan penguatkuasaan Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 yang akan berkuat kuasa pada 11 Mac ini, yang turut menyertakan 10 peruntukan, termasuk lima peruntukan baharu dan lima peruntukan sedia ada dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) boleh menggunakan Seksyen 31 yang memberi kuasa untuk mengenakan penalti mengikut Akta 342 bagi kesalahan yang tidak dinyatakan dalam akta berkenaan.

“Peraturan bawah subseksyen

baharu ini boleh menetapkan perbuatan yang melanggar peraturan dalam Akta 342 menjadi suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya.

“Kita ada Seksyen 21A yang dipanggil peruntukan baharu, (memberi) kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan, membolehkannya mengeluarkan apa-apa cara, cara yang hendak dibuat.

“Sebagai contoh, seseorang dijadualkan mengambil pelalian, tetapi mereka tidak datang (tanpa alasan munasabah) atau kita beri nama untuk mendapat suntikan pada tarikh tertentu, tetapi dia tiba-tiba potong giliran,” katanya pada sidang media bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Dr Adham berkata, tindakan itu boleh dikeluarkan dengan

arahan Ketua Pengarah Kesihatan.

Setakat ini, KKM belum menerima laporan rasmi membatik mana-mana individu memotong giliran untuk mendapatkan vaksin.

Selain 10 peruntukan baharu dan sedia ada dalam Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021, ia antara lain turut memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan mengikut akta induk, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Seksyen 21A, iaitu Arahan Ketua Pengarah, membolehkan Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan sebarang arahan bagi pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit.

“Ketika wabak COVID-19, kuasa Ketua Pengarah Kesihatan hanya diperuntukkan di bawah Peraturan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

BH 4/3/2021 ms 4



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 MAC 2021 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kluster pengebumian dikesan di tiga negeri
Muka Surat	6

Penularan COVID-19

Kluster pengebumian dikesan di tiga negeri

Dikenali Kluster Kampung Gedang babit Melaka Selangor, Johor

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kluster COVID-19 membabitkan majlis pengebumian yang dikesan di beberapa daerah di Melaka, Johor dan Selangor antara 11 kluster baharu yang dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kluster Kampung Gedang itu membabitkan Alor Gajah dan Melaka Tengah di Melaka, Petaling di Selangor serta Johor Bahru di Johor.

Beliau berkata, sehingga kini 35 daripada 86 individu yang disaring dalam kluster itu dikesan positif COVID-19.

"Kes indeks kluster ini seorang wanita warganegara berusia 61 tahun dari Kampung Gedang, Alor Gajah yang dilaporkan positif COVID-19 pada 25 Februari hasil saringan individu bergejala.

"Kes mula bergejala pada 16 Februari dan kluster ini membabitkan sebuah majlis pengebumian yang berlangsung pada 14 Februari lalu.

"Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes yang dilaporkan berlaku, iaitu di Kampung Gedang, Alor Gajah," katanya dalam kenyataan semalam.

Turut dikesan satu kluster membabitkan pusat jagaan warga emas, iaitu Kluster Jalan Anak Gasing di Petaling, Selangor,



Petugas kesihatan melakukan suntikan vaksin Pfizer BioNtech pada seorang kakitangan Hospital UiTM, Sungai Buloh, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

membabitkan kes indeks seorang wanita berusia 88 tahun yang mula bergejala pada 19 Februari lalu dan dilaporkan positif pada 27 Februari hasil saringan individu bergejala.

"Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 32 individu sudah disaring, dengan 20 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sembilan kluster lagi yang dilaporkan semalam adalah berkaitan tempat kerja, iaitu Jalan Perubatan, Tapak Bina Jalan MP, Balakong Satu dan Jalan Utarid di

Selangor; Jalan DPB Lima di Johor; Jalan Bachok di Kelantan; Jalan PKNK 1/6 di Kedah dan Sri Jelutong di Pahang serta Jalan Sikamat Lama di Negeri Sembilan.

Semua 11 kluster baharu menyumbang kepada 1,163 kluster jangkitan COVID-19 yang dikesan di negara ini.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini, 676 kluster diisytiharkan tamat, termasuk 13 kluster semalam, iaitu Kluster Usaha, Kluster Jalan Timah Dua, Kluster Bukit Sekubong, Kluster Jalan Kinabenua, Kluster Tapak Bi-



Kes indeks kluster ini seorang wanita warganegara berusia 61 tahun dari Kampung Gedang, Alor Gajah yang dilaporkan positif COVID-19 pada 25 Februari hasil saringan individu bergejala.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

na Presint Tujuh, Kluster Jalan Sejahtera, Kluster Jalan Sulaman, Kluster Jalan Menerung, Kluster Tapak Bina Sri Petaling, Kluster Jalan Keluli, Kluster Kebor Air, Kluster Jalan Rantau-Siliau dan Kluster Seri Lanang.

Beliau berkata, setakat ini 487 kluster masih lagi aktif.

Katanya, 74 kluster mencatatkan pertambahan kes baharu semalam dan kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Batu Empat dengan 198 kes, manakala Kluster Jalan Pelabuhan (128) dan Kluster Jalan DPB Lima (32).



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 MAC 2021 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	1,745 kes direkodkan termasuk 2 jangkitan import
Muka Surat	6

1,745 kes direkod termasuk dua jangkitan import

Putrajaya: Sejumlah 1,745 kes positif baharu COVID-19 direkodkan setakat tengah hari semalam, menjadikan jumlah kes kumulatif di negara ini meningkat kepada 305,880 kes dengan 24,025 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 1,743 kes membabitkan penularan tempatan merangkumi 1,037 warganegara atau 59.5 peratus, manakala dua jangkitan import membabitkan warga asing.

Beliau berkata, Selangor melaporkan kes harian baharu ter-

tinggi dengan 640 kes atau 36.7 peratus dan daripada jumlah itu sebanyak 503 kes atau 78.6 peratus adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

Katanya, ia diikuti Johor 376 kes atau 21.5 peratus dan Sarawak 139 kes (8.0 peratus).

Sebanyak 47 kes atau 2.7 peratus yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di penjara yang membabitkan Kluster Telok Mas dengan 20 kes, Kluster Tembok Pengkalan Chepa (13), Kluster Damai Pelangi (13) dan Klus-

ter Penjara Jalan Sungai Jelok satu kes.

"Seramai 195 pesakit COVID-19 kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 95 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak tujuh kematian direkodkan menjadikan jumlah kematian membabitkan COVID-19 di negara ini sebanyak 1,148 atau 0.38 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan setakat ini.

"Kes kematian pada hari ini

(semalam) membabitkan dua kes di Kuala Lumpur dan masing-masing satu kes di Selangor, Sarawak, Sabah, Johor dan Kelantan.

"Sebanyak enam kes membabitkan warganegara dan satu kes bukan warganegara, semuanya berusia antara 50 hingga 86 tahun dan menghidap pelbagai penyakit kronik," katanya.

KKM juga merekodkan jumlah kes sembuh 2,276 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya sebanyak 280,707 kes atau 91.8 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan di Malaysia setakat ini.

BH 4/3/2021 ms 6



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 4 MAC 2021 (KHAMIS)	
Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Zoo Negara diterima kunjungan mulai esok
Muka Surat	4

Zoo Negara terima kunjungan mulai esok

Nota 4/3/2021 NS
PETALING JAYA – Pihak per-
gurusan Zoo Negara menawarkan diskaun 20 peratus sempe-
na pembukaan semula taman
haiwan itu esok selepas Perin-
tah Kawalan Pergerakan (PKP)
di Lembah Klang ditamatkan.

Timbalan Presiden Zoo Ne-
gara, Rosly Ahmat Lana berka-
ta, diskaun itu bagaimanapun
hanya sah untuk hari tersebut
dan ia boleh dinikmati oleh se-
mua pengunjung.


“Semua pengunjung layak
menikmati diskaun berkenaan
termasuk pelancong tempatan,
luar negara, kanak-kanak dan
warga emas,” katanya ketika di-
hubung di sini semalam.

Rosly Ahmat berkata, antara
aktiviti yang akan disediakan
pihaknya sempena pembukaan
semula Zoo Negara termasuk
persembahan haiwan dan ak-
tiviti memancing.

“Untuk ‘animal show’ hanya
90 orang pada satu-satu masa.

“Selain itu, kita juga telah
melepaskan lebih satu tan ikan
pelbagai jenis ke dalam kolam
untuk pengunjung yang ingin
memancing,” ujarnya.

Jelas Rosly Ahmat, pihaknya
hanya membenarkan kira-kira
50 peratus pengunjung untuk
melawat Zoo Negara pada satu-
satu masa mengikut prosedur
operasi standard.



ORANG ramai yang mengunjungi Zoo Negara esok akan menikmati diskaun sebanyak 20 peratus.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 4 MAC 2021 (KHAMIS)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Council Matters
Muka Surat	2

COUNCIL MATTERS

> Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is offering a 50% discount until March on monthly rental on all residential units, grocery shops and convenience stores at its people's housing and public housing projects. For details, call 03-2617 6148 / 6151 or WhatsApp 019-326 5332.

> Ampang Jaya Municipal Council extended the deadline for online business licence renewal to March 31. Business owners can renew their licences at icomm.mpaj.gov.my. For details, call 03-4285 7324.

*TS 4/3/2021
M2*